

**Guinea Minta Malaysia Bantu Pembangunan Ekonominya**  
**Bernama**  
**28 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Malaysia boleh membantu pembangunan ekonomi Republik Guinea kerana ia mempunyai penyelesaian kepada banyak masalah, kata Menteri Kerjasama Antarabangsa Guinea Prof Dato Dr Sano Koutoub Moustapha.

Di antara penyelesaian yang boleh ditawarkan Malaysia adalah dalam bidang identiti digital, pasport, dan pembangunan dalam sektor pertanian dan pembinaan.

"Guinea amat mengkagumi kemajuan negara dan kami datang ke sini untuk belajar tentang pengalaman dan kejayaan negara ini.

"Kami juga amat gembira untuk mengetahui bahawa Malaysia adalah negara pertama di dunia yang melaksanakan pasport elektronik dan adalah pencipta kad pengenalan digital," katanya kepada Bernama ketika lawatan delegasi Guinea ke IRIS Corporation Bhd Khamis.

Selain itu, Koutoub berkata negara itu juga amat berminat dengan penyelesaian Malaysia bagi sektor pelajarannya.

"Kami telah pergi ke Universiti Islam Antarabangsa semalam dan kami mendapati ia adalah tempat belajar yang mengkagumkan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676662>